



AFENDI MOHAMMED | BERITA HARIAN

AHMAD SHABERY (enam dari kanan) bergambar bersama Kumpulan Kembara, Misi Perdana de' Everest 2010/11 yang di ketuai Khalid (lima dari kiri) di pekarangan Kementerian Belia dan Sukan.

PUTRAJAYA: Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama Kelab Kembara Negara melancarkan program jelajah Kembara Misi Perdana de'Everest 2010/2011 (ET2011) bagi memberi pendedahan dan memupuk minat generasi muda terutama pelajar terhadap sukan mendaki.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ahmad Shabery Cheek, berkata program berkenaan selari dengan kehendak generasi muda hari ini yang menjadikan aktiviti sukan mendaki sebagai sebahagian daripada gaya hidup mereka.

Ahmad Shabery berkata, program berkenaan diharap dapat memupuk gaya hidup sihat dan melahirkan lebih ramai generasi muda yang berkeyakinan, berdisiplin dan mampu membawa misi menawan Everest, pada masa depan.

"Program ini bukan yang

Kembara de'Everest dedah, pupuk minat sukan mendaki

hanya bertumpu kepada generasi muda semata-mata kerana tiada maknanya sekiranya kita berusia 20 tahun tetapi tidak sanggup mengharungi cabaran mendaki gunung tertinggi di dunia," katanya pada sidang media selepas melancarkan Kembara Misi Perdana ET2011 di Menara KBS di sini, semalam.

Hadir sama, tujuh pendaki negara yang akan menyertai Misi Perdana ET11 termasuk Ketua Ekspedisi yang juga bekas Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Khalid Yunus, 67; Mohd Illaham Ishak, 36; Shahrul Azuan Shahrudin,

30; Zainul Fikri Mohd Idrus, 31; Mohamad Shaheir Sabaruddin, 27; Mohd Dendera Billah Zamzuri, 30 dan Rosli-zawati Rashidi, 27.

Bagaimanapun, Ahmad Shabery berkata, pihaknya kini sedang mengenal pasti sekolah dan lokasi sesuai untuk memulakan program Kembara Misi Perdana ET2011, dalam tempoh terdekat.

"Kembara ini juga bertujuan untuk menerangkan dan mempromosikan Misi Perdana ET2011 dan sukan mendaki kepada masyarakat Malaysia," kata Khalid yang juga Presiden Persatuan Kembara Malaysia.

BH 25/5/10